

20 JUN 1999

Umno-Gulung (Siti Zaharah)

WANITA UMNO SENTIASA SOKONG KEPIMPINAN DR MAHATHIR, KATA ZAHARAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata semua anggota pergerakan wanita akan dan sentiasa berdiri berteguh bersama-sama menyokong kepimpinan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Datuk Seri (Dr Mahathir), yakinlah, bahawa seluruh anggota pergerakan wanita Umno dan anggotanya yang berjumlah lebih satu juta orang tetap berdiri teguh bersama Datuk Seri presiden dan pucuk pimpinan lain dan tidak akan membiarkan Datuk Seri berseorangan (dalam perjuangan parti)," katanya ketika menggulung perbahasan di hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-53 di sini, hari ini.

Katanya Pergerakan Wanita juga akan sentiasa bersama-sama memperjuangkan Umno walaupun pergerakan itu sering dikatakan sebagai "gurkha" dalam parti.

Sambil menyifatkan perhimpunan agung Umno kali ini merupakan perhimpunan yang dapat menghasilkan satu janji di kalangan anggota Umno dan masyarakat, beliau berkata ia juga penting kerana turut menjana nekad dengan Dr Mahathir sebagai pemimpin dan lambang perjuangan orang Melayu, agama Islam dan sebuah negara yang berdaulat.

"Kita harus insaf dan bertanggungjawab supaya janji dan nekad ini kita buat bersama-sama supaya kita tidak biarkan pemimpin kita mengibar bendera Umno secara berseorangan," katanya.

Selain itu, Wanita Umno juga menyokong sebulat suara pendirian Dr Mahathir terhadap kebiadapan akhbar Business Times Singapura dan meminta akhbar itu tidak menjaga urusan negara ini.

Mengenai tuduhan yang menyatakan bahawa kakitangan Petronas dan beberapa jabatan lain sebagai anti-kerajaan, beliau berkata dakwaan itu tidak semuanya benar.

"Kalau mereka tidak setia kepada kerajaan, takkan mereka sanggup berkorban untuk tidak mendapat kenaikan gaji dan bonus akibat dari kegawatan ekonomi yang melanda dan menjadi sebuah syarikat kerajaan yang terkenal di seluruh dunia serta memberi sumbangan penting kepada negara dan masyarakat," katanya.

Mengulas logo Petronas yang dibuat perubahan oleh anak syarikatnya Petronas Dagangan pada tahun 1961 lagi yang disifatkan menyerupai logo parti pembangkang, Siti Zaharah berkata, sekiranya logo itu tidak sesuai dan menjadi satu masalah, logo itu boleh ditukar.

Menurutnya perbuatan pada logo Petronas itu dilakukan supaya ia lebih bernilai komersil, berdaya tahan dan bersaing di peringkat nasional dan global.

--BERNAMA

APG NAK